

Kuliah Maghrib Ustaz Ibrahim – 26.05.07

- Didalam setiap badan anak-anak Adam ada seketul daging yang dipanggil hati, jika baik daging itu maka baiklah hatinya begitu jugak sebaliknya jika buruk/busuk hati itu maka busuklah hatinya;
- Hati itu adalah Raja / Penghulu / Ketua kepada anggota-anggota badan yang lain seperti tangan, kaki, mulut, mata dan sebagainya dan anggota badan tersebut adalah sebagai pengikut atau jentera atau kerajaan kepada hati itu;
- Jika hati kita baik maka baiklah seluruh anggota badan yang lain kerana anggota badan yang lain hanya menerima arahan dari hati. Itu sebabnya hati kita ini perlu “dicuci” dan “dibersihkan” selalu;
- Orang yang hendak amalannya diterima Allah, hatinya hendaklah bersih. Menurut Imam Ghazali, kemuliaan seseorang itu terletak pada hatinya;
- Jika seseorang itu akhlak dan budi pekertinya tidak baik ini adalah kerana hatinya yang tidak baik, maka orang seperti ini jangan didekati kerana takut takut hatinya yang tidak baik itu boleh dijangkiti;
- Dihari akhirat nanti, kita akan dihimpunkan bersama-sama dengan orang-orang yang kita sayang dan kasih. Oleh sebab itu, kita disarankan untuk memilih kawan atau orang yang dikasihi itu dikalangan orang yang mempunyai hati, akhlak dan budi pekerti yang baik yang boleh membimbing kita kearah akhirat;
- Kita hanya mengenal Allah melalui sifat-sifatNya. Kita hendaklah mengenal Allah sebenar-benarnya seolah-olah Allah sedang melihat atau menengok kita keatas setiap perbuatan kita;
- Anggota badan kita terbahagi kepada anggota zahir dan batin. Anggota Zahir adalah seperti mata, hidung, mulut, lidah, perut, tangan, kaki. Baik hatinya maka baiklah segala anggota zahir kita dengan membuar segala suruhan Allah dan meninggalkan segala maksiat dan larangan Allah;
- Anggota Batin
 1. Ikhlas yakni ikhlas dalam melaksanakan segala suruhan dan perintah Allah dan RasulNya. Dalam bab menuntut ilmu dan membaca al-quran tidak perlu keihklasan tetapi jika dibuat mendapat pahala;
 2. Zuhud yakni hilang sangkutan hati pada dunia. Baginya dunia terletak ditangannya bukan dihatinya. Jika terletak ditangan senang nak dibuang atau keluar tetapi jika terletak dihati susah hendak disingkirkan. Bagi orang mukmin, dunia ini sebagai penjara bagi mereka. Zuhud bukannya bermakna kita dilarang mencari harta kebendaan didunia ini, tetapi jangan terlalu taksab atau sayang pada harta benda;

3. Warak yakni orang yang menurut segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan Allah;
4. Sabar yakni orang yang sabar dalam melaksanakan segala perintah Allah dan sabar dalam meninggalkan segala maksiat dan larangan Allah, kerana kemaksiatan adalah perkara yang paling digemari oleh manusia untuk melakukannya. Orang ini juga sabar dalam menerima segala ujian dari Allah. Ujian tersebut termasuklah dalam bentuk kekayaan dan kemiskinan;
5. Syukur yakni orang yang sentiasa bersyukur dengan segala apa yang mereka perolehi;
6. Tawakal yakni orang yang redha dan berserah pada Allah.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad